

# BCWA beri sokongan moral pesakit kanser payu dara



**PERSATUAN** Kebajikan Barah Payudara mengadakan jualan Orkid Amal sempena Hari Wanita di Stesen Monorel KL Sentral, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 5 Mac – Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia, Persatuan Kebajikan Kanser Payudara (BCWA) mengadakan Hari Orkid bagi meningkatkan kesedaran wanita terhadap penyakit tersebut.

Presidennya, Ranjit Kaur berkata, BCWA sentiasa memberi sokongan moral kepada pesakit supaya berjuang melawan penyakit tersebut agar mereka dapat menjalani kehidupan sebaik mungkin.

“Semua wanita tidak kira usia terdedah pada risiko kanser payu dara. Justeru, kami menyediakan program pendidikan untuk meningkatkan ke-

sedaran mereka bahawa pencegahan awal mampu menyelamatkan nyawa,” katanya ketika merasmikan Hari Orkid di Stesen Monorel KL Sentral di sini hari ini.

Katanya, kebanyakan wanita takut menjalani rawatan dan tidak dapat menerima kenyataan sekiranya mengetahui mereka menghidap penyakit tersebut.

“Oleh sebab itu kami menggambarkan mereka seperti orkid. Cantik, lembut dan mampu hidup dalam pelbagai keadaan, sesuai dengan situasi pesakit yang perlu berjuang untuk meneruskan hidup,” jelasnya.

Sambutan Hari Orkid hari ini menawarkan kuntuman orkid, anak patung dan gelang kepada orang ramai sebagai langkah BCWA mengumpul dana.

“Kesemua hasil jualan akan dimanfaatkan untuk program pendidikan dan sokongan emosi anjuran kami selain meraih perhatian masyarakat agar bekerjasama membantu golongan ini,” ujarnya.

Hari Orkid yang mendapat kerjasama KL StarRail Sdn. Bhd. akan diteruskan sehingga 8 Mac dan bakal dijadikan sambutan tahunan pada setiap Jumaat pertama bulan Mac.